

PM SANGKAL DEB SEKAT INDUSTRI

BH 23 JAN 1962

SHAH ALAM, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal sekeras-kerasnya dakwaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kononnya menyekat perkembangan dan kemajuan sektor perindustrian negara.

Perdana Menteri menisfatkan dakwaan itu sebagai dusta semata-mata dan sengaja disebar oleh setengah-setengah pihak tertentu.

Menurutnya, hakikat banyak syarikat di negara ini berkembang maju dan menjadi badan-badan raksaksa membuktikan DEB tidak sama sekali menyekat perkembangan industri.

Berucap merasmikan pusat latihan Syarikat United Motor Works (UMW) di Kompleks UMW di sini, Perdana Menteri menyebut, kemajuan dan perkembangan yang dicapai oleh syarikat berkenaan sebagai

bukti yang dapat menyangkal dakwaan tersebut.

"UMW masih dapat terus berkembang maju dan kini menjadi salah sebuah syarikat yang terkemuka di Malaysia walaupun ia mematuhi berbagai peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan khususnya DEB.

"Ini adalah bukti DEB yang kita gubal tidak menghalang perkembangan sektor perindustrian di negara ini," katanya disambut dengan tepukan gemuruh hadirin.

Bellau menjelaskan tidak ada negara di dunia yang tidak mengenakan berbagai syarat dan peraturan tertentu ke atas kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negara masing-masing.

"Bagaimanapun, syarat dan peraturan ini tidak pula menyekat perkembangan, kemajuan dan kemakmuran syarikat-syarikat perusahaan

di negara-negara berkenaan.

"Begitulah juga halnya di Malaysia ini, peraturan dan syarat yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru tidak sekali-kali menghalang pertumbuhan dan perkembangan industri serta syarikat kita," tegasnya.

Tenaga kerja

Perdana Menteri berkata DEB tidak menyekat perkembangan sektor industri jika syarikat-syarikat itu sendiri mempunyai kecekapan untuk mencapai kemajuan.

Hakikat itu, katanya membuktikan DEB membolehkan sektor perindustrian khususnya sektor swasta terus berkembang walaupun ia mematuhi berbagai kehendak DEB seperti yang dicapai oleh UMW.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga

menekankan pentingnya setiap syarikat di negara ini mengadakan kemudahan latihan kerana ia merupakan aspek utama dalam meningkatkan kecekapan tenaga kerja.

Kemudahan latihan, tambahnya tidak harus dibataskan kepada tenaga kerja sendiri sahaja tetapi juga bagi para pekerja dari sektor-sektor lain.

"Melalui langkah mengadakan kemudahan latihan yang cukup, sesebuah syarikat bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga mahir bagi kepentingan sendiri tetapi sebaliknya dapat membantu usaha Kerajaan mewujudkan tenaga mahir bagi keperluan negara.

"Kerajaan menyambut baik sebarang usaha mengadakan kemudahan-kemudahan latihan kerana ia bermakna syarikat-syarikat memberi sumbangan penting kepada usaha-usaha nasional," tambahnya.

Perdana Menteri berharap langkah mengadakan berbagai kemudahan latihan akan dapat meningkatkan usa-

ha Kerajaan mewujudkan tenaga pekerja Bumiputera yang mahir.

"Dalam bidang latihan, hasrat Kerajaan mahu satu hari nanti pembahagian kemahiran mengikut kaum seperti yang wujud sekarang akan dapat dihapuskan.

"Dalam hubungan ini, kemudahan-kemudahan latihan perlu diadakan oleh berbagai syarikat bagi mempercepat proses mewujudkan tenaga kerja terlatih," katanya.

Penting

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan kemahiran sememangnya boleh didapati melalui pengalaman tetapi proses ini mengambil masa yang agak panjang.

Oleh itu, katanya latihan merupakan satu aspek penting yang dapat membantu usaha mempercepatkan proses melahirkan golongan pekerja mahir dan terlatih di negara ini.

"Negara kita mahu menyertai bidang industri berat secepat mungkin dan kita tidak boleh menunggu terlalu lama sehingga wujudnya tenaga kerja terlatih sebelum kita melangkah ke dalam bidang industri," jelasnya.